

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 13 OGOS 2025

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA : 20
SURAT

KDNK Malaysia diunjur 4.3 peratus



EKONOMI

Pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi suku kedua tahun ini didorong oleh pemulihan sektor pertanian dan pengembangan sektor perkhidmatan, pembuatan serta pembinaan.

KDNK Malaysia diunjur 4.3 peratus

HLIB meramalkan bagi suku kedua 2025

KUALA LUMPUR

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia bagi suku kedua 2025 diunjurkan pada kadar 4.3 peratus, didorong oleh pemulihan sektor pertanian dan pengembangan sektor perkhidmatan, pembuatan serta pembinaan, menurut Hong Leong Investment Bank Bhd (HLIB).
Unjuran tersebut sedikit rendah daripada unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan unjuran konsensus median pada 4.5 peratus.

HLIB menjelaskan dari segi per-

mintaan, pertumbuhan dijangka dipacu terutama oleh penggunaan swasta, manakala duti import tidak menentu dijangka menyumbang secara positif kepada KDNK.

"Buat masa ini kami mengekalkan unjuran pertumbuhan KDNK 2025 pada kadar 4.0 peratus, sementara menunggu data penuh KDNK suku kedua 2025 yang akan diumumkan pada 15 Ogos," menurut bank pelaburan itu dalam nota penyelidikan-nya pada Selasa.

Menurutnya, pertumbuhan akan disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan, kestabilan guna tenaga, kenaikan gaji, sokongan oleh langkah fiskal termasuk pemberian tunai sekali bayar sebanyak RM100 kepada semua golongan dewasa untuk digunakan dari 31 Ogos hingga 31 Disember 2025.

Bank pelaburan itu menyatakan

berasaskan andaian keseluruhan jumlah pemberian tunai tersebut dibelanjakan, perbelanjaan dianggarkan sebanyak RM2 bilion akan meningkatkan penggunaan swasta sebanyak 0.2 mata peratusan.

"Bagaimanapun, risiko penurunan pertumbuhan masih wujud, berpunca daripada cabaran perdagangan global dan ketidaktentuan dasar," tambahnya.

Sementara itu, Maybank Investment Bank Bhd turut mengunjurkan KDNK Malaysia bagi suku kedua tahun 2025 pada kadar 4.3 peratus.

Unjuran tersebut mencerminkan pertumbuhan lebih perlahan dalam sektor perkhidmatan dan pembinaan, prestasi sektor pembuatan serta pertanian lebih kukuh serta penguncupan lebih kecil bagi sektor perlombongan.

- Bernama

